

13 MAR 2000

MAHATHIR-PTP

KEMUNCULAN PASARAN INDOCHINA BUKA PELUANG DAGANGAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 13 Mac (Bernama) -- Kematangan pasaran-pasaran kontena baru, ekoran kemasukan Vietnam, Kampuchea, Myanmar dan Laos ke dalam Asean, akan membuka peluang besar bagi pelabuhan-pelabuhan baru seperti Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Oleh itu, PTP berada pada kedudukan yang baik untuk menyediakan platform yang lebih baik bagi Malaysia menguasai pasaran-pasaran yang sedang tumbuh ini kerana pelabuhan itu mempunyai kemudahan pengendalian kontena tunggal terbesar di rantau ini selain Singapura.

Beliau berkata demikian di pelancaran persidangan dan pameran Pelabuhan Tanjung Pelepas 2000 di Johor Bahru selepas melancarkan pelabuhan bernilai RM2.28 bilion itu pagi tadi di Gelang Patah.

Ucapan beliau dikeluarkan di sini.

Terletak di pertemuan laluan perkapalan antarabangsa dengan tempoh pelayaran hanya 45 minit, katanya, PTP menawarkan pelabuhan persinggahan pilihan kepada para pengendali kapal di rantau ini.

"Terletak di atas lapangan hijau seluas 1,935 ekar (kira-kira 774 hektar), PTP akan mempertingkatkan sumbangan sektor pelabuhan Malaysia kepada pembangunan Malaysia," katanya.

Mengenai kesan era baru globalisasi kepada sektor perdagangan antarabangsa, Dr Mahathir berkata dengan globalisasi, pasaran-pasaran dunia semakin bebas daripada peraturan dasar dan hasilnya akan menjadi amat kompetitif.

Semakin banyak syarikat, katanya, mendapatkan sumber keperluan mereka dari luar untuk mencapai kos terendah dan kualiti tertinggi untuk kekal berdaya maju.

Dr Mahathir berkata syarikat-syarikat perkapalan dan pelabuhan telah mendapat faedah daripadanya dengan berurusan dengan penyedia logistik pihak ketiga yang mampu mengadakan berbagai rantaian dalam rantaian logistik global.

"Dengan syarikat-syarikat perkapalan mengendalikan kapal-kapal Super Post Panamax yang lebih besar, permintaan dunia terhadap kargo berkontena dijangka terus meningkat dengan kadar fret keseluruhan yang dikurangkan," kata Perdana Menteri.

Ini, kerajaan percaya, akan mengarah kepada pembesaran pelabuhan dan peningkatan permintaan bagi kedua-dua sektor pelabuhan dan perkapalan, bergerak ke arah pertumbuhan perniagaan logistik global yang menyediakan pilihan pemilik kargo yang berkesan, katanya.

Dr Mahathir menambah bahawa PTP juga berhasrat untuk membangun menjadi pengkalan persinggahan serantau dan setara dengan pelabuhan-pelabuhan antarabangsa lain seperti Singapura dan Hong Kong.

"Dengan sistem Teknologi Maklumat terkini, PTP mmeberikan akses segera kepada Sistem Maklumat Pengurusan Terminal dan Pelabuhan Bersepadu yang direkabentuk untuk tujuan tertentu (ITPMIS)," katanya.

Dengan pusat operasi dan komunikasi pelabuhan ITPMIS yang sinergi membolehkan aliran bebas maklumat terkini dan menyediakan transaksi tanpa kertas di kalangan kakitangan pelabuhan, syarikat perkapalan, perkhidmatan marin dan penggerak fret, katanya. -- BERNAMA

RIZ JR